

12 JUN 2000

Mahathir-Globalisasi/I

G-15 MAHU BINCANG GLOBALISASI DENGAN G-8

Oleh: Mohd Ghazemy Mahmud

TOKYO, 12 Jun (Bernama) -- Negara-negara membangun mahu berbincang isu-isu tertentu dengan negara-negara kaya termasuk proses globalisasi yang sedang berjalan, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Perdana Menteri berkata beliau tidak memberikan harapan terhadap hasil mesyuarat G-8 di Okinawa bulan depan terutama mengenai isu-isu berkaitan negara membangun tetapi berkata beliau akan terus mendesak.

Katanya: "Perdana Menteri Jepun Yoshiro Mori telah berkata beliau akan menyampaikan mesej negara membangun kepada negara anggota G-8 yang lain. Kecuali Perancis, saya rasa yang lain tidak mahu melihat rakyat dari negara miskin datang untuk duduk satu meja bersama negara kaya."

"Kita mempunyai isu-isu tertentu, sebagai contoh, kita mahu berbincang mengenai globalisasi dengan mereka kerana proses glabalisasi sekarang akan menyebabkan kita kerugian banyak wang."

Mengenai Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC), Dr Mahathir berkata: "Nampaknya adalah juga kemajuan sedikit sebanyak. Kalau dulu Asean sendiri takut untuk menerima EAEC, sekarang ini secara de facto kita sudah capai matlamat kita, iaitu kita sudah ada Asean plus 3 yang sebenarnya adalah EAEC juga."

Mengenai sidang kemuncak Utara Selatan di Pyongyang yang bermula hari ini, Perdana Menteri berkata: "saya berpendapat adalah baik bagi mereka untuk duduk bersama berbincang kerana mereka adalah bangsa yang serupa. Saya rasa akan wujud perbezaan pendapat tetapi semua orang akan ada perbezaannya."

"Malahan di dalam Korea Selatan sendiri akan juga terdapat mereka yang mempunyai perbezaan pendapat dan saya agak yakin di Korea Utara juga, jika mereka tidak duduk dan berbincang serta cuba mencari penyelesaian, mereka tidak akan ke mana," katanya.

Mengenai mesejnya kepada sidang kemuncak G-15 di Kaherah pula, Dr Mahathir berkata mesejnya ialah perpaduan kerana negara-negara membangun perlu bersatu dalam tindakan mereka.

Ianya tidak mudah kerana negara anggota yang berbeza dalam G-15 mempunyai dasar yang berbeza. Ini kerana mereka terhutang budi kepada negara-negara lain dan tidak vokal seperti Malaysia, katanya.

Beliau berkata kalau sesebuah negara itu boros belanja dan terlalu banyak berhutang, negara itu akan terpaksa tunduk kepada negara lain dan dikuasai oleh negara pemberi hutang kerana terhutang budi kepada mereka.

Mengenai kematian Presiden Syria Hafez Al Assad, beliau berkata: "Ini agak menyedihkan dan agak malang kerana Syria terlibat secara langsung dalam usaha untuk menamatkan peperangan antara Israel dengan negara-negara jirannya."

"Jadi saya tidak tahulah bagaimana kerajaan baru Syria akan meneruskan usaha ini tetapi sudah tentulah satu hubungan baru perlu dijalinan sebelum mereka mendapat kejayaan yang mungkin akan melewatkan lagi proses damai."

-- BERNAMA

GM RON